

Kosmo 09/05/2010 14/15 53

# PNB tawar 300 juta unit baru ASD

**KUALA LUMPUR** - Jumlah saiz dana Amanah Saham Didik (ASD) kini meningkat kepada 3.8 bilion unit setelah Anak syarikat Permodalan Nasional Bhd. (PNB), Amanah Saham Nasional Bhd. (ASNB) mengumumkan penambahan sejumlah 300 juta unit baru.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman berkata, setakat 31 Januari tahun ini, sebanyak 3.36 bilion unit telah dilanggan oleh 271.226 orang pemegang unit.

Menurutnya, penambahan itu adalah kali ke-11 sejak dana itu dilancarkan pada 2001.

Tambah beliau, daripada jumlah tersebut, 89.92 peratus pemegang unit adalah mereka yang berumur bawah 18 tahun yang melabur bagi tujuan pembiayaan pendidikan.

ASD ialah dana ekuiti jenis pertumbuhan yang ditawarkan kepada Bumiputera berumur seawal enam bulan pada harga tetap RM1 seunit.

Tiada had langganan maksimum dikenakan untuk melabur di dalam saham amanah tersebut.



**PENAMBAHAN** unit ASD akan membolehkan lebih ramai pelabur menabung dalam produk PNB.